

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
BIN ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
DI ANTARA**

**MYANGKASA BINA SDN BHD & DEE
NOON CORPORATION SDN BHD**

**13 JUN 2024 (KHAMIS)
11.30 PAGI**

**SAUJANA HOTEL KUALA LUMPUR
SAUJANA RESORT SUBANG**

Bismillahhirrahmannirrahim...

Assalammualaikum warahmatullah
waborakatuh

Salam Malaysia Madani dan Salam
Koperasi

Terima kasih saya ucapkan kepada saudara Pengerusi Majlis.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah Subhanahu Watala dengan limpah rahmat dan kurniaNya, maka kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam **MAJLIS**

MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MYANGKASA BINA SDN.BHD. (BINA) dan DEE NOON CORPORATION SDN BHD.

2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada MyANGKASA Bina Sdn. Bhd. (BINA) kerana mengambil satu lagi langkah dalam memperluas skop

perniagaannya melalui perjanjian ini bagi tujuan pengeluaran dan pembekalan produk-produk perabot dan kelengkapan rumah termasuk unit pintu berkonsep hijau

3. Untuk makluman Hadirin Hadirat, ANGKASA telah 53 tahun menjadi payung kepada gerakan koperasi di

negara ini. Pewujudan anak syarikat seperti BINA merupakan antara langkah diambil bagi memperkasa serta memperluas perniagaan yang dapat disertai oleh gerakan koperasi.

4. BINA merupakan salah sebuah anak syarikat milik penuh ANGKASA di mana teras utama perniagaannya adalah

Pembinaan dan Pembekalan Rumah MyANGKASA Villa, Perunding Projek, Pembangunan Hartanah dan Pemasaran dan Jualan Projek-Projek Perumahan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

5. BINA telah wujud lebih 10 tahun. Bermula daripada sebuah syarikat

yang hanya menyediakan perkhidmatan perunding projek, ianya telah berjaya berkembang sebagai syarikat pemaju perumahan, pemegang lesen G7 dan pembekalan serta pemasangan perumahan MyANGKASA Villa.

6. Dan pada hari ini, MyANGKASA Bina Sdn Bhd telah dijenamakan semula dengan singkatan panggilan sebagai **BINA**.

7. Untuk makluman Tuan Tuan dan Puan Puan, pasukan **BINA** yang kepimpinan dan dipengerusikan oleh **YBhg Dato' Che Mohd Shukree bin Che Isa** dan

YBhg. Dato Sr. Dr. Kamarul Rashdan selaku Ketua Eksekutif bersama **Ahli-Ahli Lembaga Pengarah BINA** begitu agresif bergerak maju ke hadapan meneroka peluang-peluang perniagaan baru yang mempunyai daya saing tinggi bagi memastikan kelangsungan syarikat ini.

8. BINA begitu aktif mengadakan taklimat-taklimat MyANGKASA Villa kepada Warga dan Generasi ke-2 di Felda-Felda di seluruh negara dengan membawa tema “MyVilla Jelajah Felda”. Tetapi pada hari ini, BINA sedang giat melaksanakan usaha untuk meningkatkan perolehan syarikat menerusi pengwujudan

beberapa portfolio perniagaan baharu termasuk industri peruncitan dengan menawarkan perabut dan peralatan kelengkapan rumah yang berkonsep hijau.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA MULIAKAN

9. Teknologi hijau merupakan teknologi rendah karbon yang lebih mesra alam berbanding teknologi sedia ada. Dengan penggunaan teknologi yang berkonsepkan hijau ini, ianya akan dapat meminimumkan penggunaan sumber seperti tenaga dan air di dalam menghasilkan sesuatu produk.

10. Malaysia adalah negara yang kaya dengan sumber tenaga seperti solar, tenaga hidro dan hidrokarbon seperti gas asli. Dalam kegigihan dunia menuju ke arah pelepasan karbon sifar bersih, negara kita telah mencatat kemajuan untuk mencapai komitmen seawal tahun 2050 dengan mempelbagaikan sumber tenaga

hijau selain turut memperkenalkan beberapa dasar seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) sebagai garis panduan kepada komitmen tersebut.

11. Sebagai kesinambungan terhadap usaha ini, kerajaan telah melancarkan program Kelestarian Dicapai Melalui

Kecekapan Tenaga (SAVE) 4.0 untuk meningkatkan pembelian peralatan elektrik cekap tenaga dalam kalangan rakyat Malaysia.

12. Selaras dengan usaha Kerajaan Malaysia yang menggalakkan masyarakat untuk mengambil pendekatan menggunakan tenaga

boleh baharu serta barangan yang dikeluarkan melalui penggunaan teknologi hijau atau berkonsep hijau, BINA telah mengorak langkah untuk bersama-sama mendokong hasrat Kerajaan itu dengan menjalinkan kolaborasi perniagaan dengan DEE NOON CORPORATION SDN BHD bagi mengilang, mengeluarkan dan membekal

produk perabot dan kelengkapan rumah yang berkonsep hijau dengan rekabentuk unik hasil ciptaan BINA.

13. Produk dan barangan seperti almari pakaian, katil, tilam, kabinet tv, kabinet dapur, meja makan, rak buku dan berbagai lagi jenis barangan yang memiliki mutu yang setanding dengan

jenama-jenama hebat antarabangsa di pasaran bakal dikeluarkan dan dipasarkan atas jenama yang juga dibangunkan oleh BINA iaitu **'mygreenstyle'**.

14. Selain itu, saya juga difahamkan bahawa kolaborasi BINA dan syarikat Dee Noon Corporation akan turut

mengeluarkan unit pintu rumah berkonsep hijau yang akan dipasang pada rumah MyVilla yang bakal dibangun BINA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

15. In shaa Allah, pada tahun ini dan masa mendatang, saya yakin akan terdapat banyak lagi kerjasama strategik yang akan dipelopori oleh BINA dengan pemegang taruh seperti agensi kerajaan dan negeri serta syarikat swasta demi memastikan syarikat terus gah berdiri dan bersaing di kalangan

para pesaing ternama di dalam industri yang diceburi.

16. Sekali lagi, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah disamping melahirkan rasa penuh bangga kepada **MyANGKASA Bina Sdn Bhd** dan **Dee Noon Corporation Sdn Bhd** di

atas segala usaha yang telah dilakukan sehingga termeterainya Memorandum Persefahaman pada hari ini.

17. Saya doakan semoga kolaborasi ini kekal berpanjangan dan maju ke hadapan demi kemajuan berterusan

gerakan koperasi dalam landscape ekonomi negara.

Saya sudahi ucapan ini dengan
Wabillahitaufiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Waborakatuh.

Sekian Terima Kasih.